

01/11/2003

Perpaduan nasional asas pembangunan negara

Tan Sri Lee Lam Thye

SALAH satu perkara yang menjadi perhatian Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

sejak dulu lagi adalah isu integrasi dan perpaduan kaum.

Perdana Menteri atau lebih dikenali sebagai Pak Lah beberapa kali menyatakan pentingnya semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum bersatu dan berusaha sedaya upaya menjayakan konsep "Bangsa Malaysia", iaitu salah

satu dari sembilan cabaran Wawasan 2020.

Saya bersetuju sepenuhnya dengan saranan Pak Lah kepada generasi muda Malaysia yang berbilang kaum supaya meningkatkan usaha integrasi kaum dalam ucapan beliau kepada 18 pemenang pertandingan Shell Malaysia-Youth Quake Once More, Muhibah! baru-baru ini.

Beliau berkata "Anak muda tidak menyedari kenyataan bahawa orang yang duduk di sebelahnya adalah dari bangsa dan agama yang berlainan. Mereka perlu sedar hanya satu perkara, iaitu orang itu adalah kawannya".

Mesej itu amat penting dan datang dari Pak Lah sendiri yang baru mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dengan setiap hari yang berlalu saya semakin percaya bahawa rakyat Malaysia perlu mengetepikan perbezaan perkauman dan menghulurkan tangan persahabatan kepada kaum lain.

Rakyat Malaysia generasi muda dari pelbagai kaum perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk merapatkan jurang perkauman yang amat penting untuk perpaduan negara.

Pak Lah menyatakan dengan tepat sekali bahawa pelajar dari sekolah kebangsaan dan vernakular dan juga dari bandar dan luar bandar perlu mengambil inisiatif untuk bercampur dan berkenalan.

Di dalam semua aktiviti dari sukan ke aktiviti kokurikulum, usaha yang praktikal perlu dibuat untuk memberi peluang pelajar bertemu dan bergaul di antara satu sama lain.

Sekolah adalah tempat yang sesuai untuk meningkatkan integrasi kaum. Guru dan ibu bapa perlu memainkan fungsi masing-masing untuk menjayakannya.

Ibu bapa perlu memberi galakan kepada anak mereka supaya berinteraksi dengan kanak-kanak dari kaum lain supaya mereka dapat memahami budaya dan agama di antara satu sama lain.

Perpaduan nasional perlu dijadikan panduan asas kepada semua sekolah atau persatuan seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru untuk mengadakan aktiviti sukan berpasukan atau aktiviti kokurikulum yang lain.

Sukan berpasukan perlu membabitkan semua kaum. Walaupun tujuan bersukan

adalah untuk menang, apa yang lebih penting bukan saja untuk memenangi piala, sebaliknya hadiah yang lebih besar iaitu menjalin dan mengeratkan ikatan persahabatan dan perpaduan di kalangan anak-anak kita.

Usaha yang berterusan perlu dilakukan untuk merapatkan perhubungan kaum, terutamanya dari kalangan pelajar pelbagai kaum untuk menangani masalah polarisasi kaum di kalangan mereka.

Dalam hal ini pengenalan Khidmat Negara adalah satu cara untuk menangani masalah polarisasi ini. Ibu bapa perlu memberi galakan kepada anak mereka untuk mengambil bahagian di dalam program itu kerana ia akan menerapkan semangat patriotisme, perpaduan dan kepercayaan di kalangan golongan muda dari pelbagai kaum itu.

Pelajar hari ini adalah pemimpin kita di masa depan. Di bahu mereka terletak tanggungjawab untuk membangunkan Malaysia yang bersatu padu dengan masa hadapan yang dikongsi bersama.

Peningkatan tahap interaksi di kalangan pelajar pelbagai kaum dari sekolah kebangsaan dan vernakular adalah amat penting untuk memastikan mereka membesar sebagai rakyat Malaysia yang sebenar dari segi penampilan, pemikiran dan perlakuannya.

Penerapan nilai dan harapan murni yang menjadi sandaran kepada perpaduan perlu bermula dari sekolah rendah supaya kita dapat melahirkan generasi masa hadapan Malaysia yang menyedari tanggungjawab mereka untuk membangunkan negara.

Kita hendaklah mengambil semua langkah yang mampu dilakukan untuk memastikan sistem pendidikan pra universiti tidak mendorong ke arah polarisasi kaum yang tidak sihat di kampus-kampus universiti.

Ini memerlukan sekolah, kolej dan institut pengajian tinggi swasta untuk mengambil langkah mengelakkan polarisasi kaum di peringkat masing-masing.

Dalam hal ini kita perlu merujuk kepada asas iaitu Rukun Negara dan lima prinsipnya - Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan yang adalah prinsip asas untuk membangunkan Malaysia yang bersatu.

TAN SRI LEE LAM THYE
Kuala Lumpur.